



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Seksyen Media
Unit Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tel : 03-2617 9812

Faks : 03-2694 1373

e-mel : akhbar@dbkl.gov.my

()dlm.DBKL / UKK - SM / 04

MAKLUMBALAS MEDIA

Pengarang
Letter to Editor
The Sun

25-year waits for strata titles

Kami merujuk kepada artikel tersebut pada 30 Mac 2009 oleh Dr Collin Abraham dan ingin memaklumkan mengenainya.

DBKL tidak terlibat dengan penguatkuasaan permohonan hakmilik strata oleh pihak pemaju swasta. Ianya adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana setiap pemilik tanah disyaratkan memohon hakmilik strata bagi bangunan berbilang tingkat di bawah Akta Hakmilik Strata 1985. Walaubagaimanapun, DBKL akan berhubung dengan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL) mengenai perkara ini untuk tindakan PTGWPKL sewajarnya.

Tiada peruntukan undang-undang untuk DBKL 'mengambilalih' kerja-kerja pengurusan kondominium pihak swasta yang tidak mempunyai hakmilik strata. Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada peruntukan di dalam Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007(Akta 663), pihak DBKL akan membuat pemeriksaan lanjut mengenai masalah pengurusan di bangunan tersebut untuk mengenalpasti pihak pemilik, pemaju atau pihak pengurusan yang membuat kerja-kerja pengurusan dan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan peruntukan yang ada bagi membolehkan Badan Pengurusan Bersama ditubuhkan.

Sekian.

ANWAR BIN MOHD ZAIN

Pengurus Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
31 Mac 2009
4 Rabiulakhir 1430H